



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR **7 Sep2021 (Tuesday)**

Berita Harian

'Mustahil PH Selangor tak tahu'	1
PKPS nafi ceroboh Hutan Simpan Kekal Sungai Panjang	2

Utusan Malaysia

8 tahun merana isu bekalan air	3
--------------------------------	---

Harian Metro

Izin 10 orang masuk tanah perkuburan	4
Dua kali terjejas banjir tahun ini	5
Tak lantik pihak ketiga urus janji temu nikah	6
Tapak projek SSAP bukan berstatus hutan simpan kekal	7

Kosmo

Bawa bayi rentas negeri lebih 300km	8
-------------------------------------	---

Sinar Harian

Kerajaan Selangor terus didesak batal projek PJD Link, tarik balik nyah warta HSKLU	9
PKPS tak ceroboh Hutan Simpan Kekal	10
Selangor perlu bertindak selaras dasar parti isu pemeliharaan alam sekitar	11
JAIS tidak lantik pihak ketiga bagi urusan perkahwinan	12
RichWell, LZS bantu keluarga terjejas	13
Boleh ziarah kubur tapi bersyarat	14
#SatuHatiSatuSuara GM Klang tawar pelbagai hadiah	15

Astro Awani

anwar yakin amirudin akan mengikut polisi PKR	16
---	----

Bernama Radio 24

Selangor benar 10 waris ke pengebumian jenazah COVID-19	17
Tapak Projek Smart Agro Park Yang Dikaitkan Dengan Dakwaan Isu Pencerobohan Merupakan Tanah PKPS	18

Nasional FM (87.7)

Selangor benar 10 waris ke pengebumian jenazah COVID-19	19
---	----

Selangor TV

MPK Serbu Warga Asing Jadikan Rumah Premis Perniagaan	20
---	----

TV3

PKPS Nafi Tuduhan Isu Nyahwarta	21
---------------------------------	----

The Star

Associations want field to stay	22
COUNCIL MATTERS	23
ESSAY CONTEST	24
ILLEGAL DUMPSITE HOTLINE	25

The Malaysian Reserve

PKPS denies encroachment on forest reserves, takes legal action	26
---	----



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Traxx FM (90.3)	
Selangor allowed 10 heirs to the funeral of COVID-19	27
China Press	
PKPS denies develop forest reserve area and will sue rumor monger	28
MBSJ began to allow hawkers who completed the vaccination to business in stages	29
Sin Chew Daily	
PDRM allowed hotels on Pulau Ketam to accept tourists; Hee Loy Sian : Believed to be a misunderstanding	30
Rubbish troughs only limited to residents; Littering foreigners fined	31
Sponsored by Kuala Langat city council and good samaritans; 370 meals distributed in 15 minutes	32
Nanyang Siang Pau	
MCA Selangor reports to SPRM to urge investigation into whether corruption was involved [KLNFR]	33
Guang Ming Daily	
PKPS: No encroachment on forest reserved land; Jing Ming agricultural garden belong to agriculture land.	34
Ketam Island Hotel approved for resumption of business?; Hee Loy Sian: Anticipate is misunderstanding.	35
Live in Kajang and May to September birthdays; 2,000 seniors collect hundred ringgit shopping vouchers.	36
Lumu Road Hawker Centre ceiling collapses; 2 stallholders temporarily unable to operate.	37
Ng Sze Han: Not obtain extend operations; Puchong Indah PPV close.	38
Makkal Osai	
Markets in Klang - Kapar areas will be closed for few days	39



KERATAN AKHBAR 7 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	'Mustahil PH Selangor tak tahu'
Muka Surat	:	14

Isu penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara

'Mustahil PH Selangor tak tahu'

Kuala Lumpur: UMNO mempersoalkan tindakan kepimpinan Pakatan Harapan (PH) Selangor berhubung isu penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Ketua Penerangannya, Shahril Sufian Hamdan, berkata keputusan nyahwarta status hutan simpan itu pada Mei lalu mustahil tidak diketahui parti komponen PH di Selangor.

Beliau berkata, ini kerana semua parti komponen PH mempunyai wakil masing-masing dalam EXCO Kerajaan negeri Selangor.

"Saya ingin mengucapkan 'syabas' atas keprihatinan PH Selangor, terutama Pengerusinya yang bermesyuarat bersama rakan komponen lain selepas beberapa hari membisu susulan terbongkarnya penyahwartaan HSKLU secara senyap-senyap pada Mei lalu.

"Dalam kenyataan dikeluarkan selepas mesyuarat itu, Pengerusi PH Selangor yang juga Menteri Besar Selangor berjanji membawa isu itu kepada 'Men-

teri Besar Selangor' serta barisan EXCO kerajaan negeri.

"Selepas kecoh, mereka sendiri acah-acah bantah keputusan dibuat, tiada mohon maaf, tiada mengaku terkhilaf," katanya dalam kenyataan di Facebook, semalam.

Jumaat lalu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari dilaporkan berkata akan membawa isu berkaitan penyahwartaan HSKLU ke Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada Rabu ini.

MMKN pada 5 Mei lalu memutuskan kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta mengikut Seksyen 12, Enakmen (Pemakaian) Akta Perhutanan Negeri Selangor 1985 dan disahkan pada 19 Mei.

Keputusan MMKN itu menimbulkan bantahan banyak pihak kerana lokasi itu adalah antara hutan gambut terakhir di selatan Selangor.

Sementara itu, keputusan kerajaan negeri melalui Majlis

Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) menyahwartakan 536.7 hektar HSKLU untuk tujuan komersial secara tiba-tiba terus menjadi tanda tanya.

Pengerusi MCA Bahagian Kuala Langat, Datuk Ei Kim Hock berkata, pihaknya amat terkejut dengan laporan berhubung isu berkenaan menerusi persidangan DUN bulan lalu.

"Kerajaan negeri bersetuju mengeluarkan 536.7 hektar dari HSKLU untuk tujuan komersial melalui Warta Kerajaan Negeri Selangor bertarikh 12 Ogos lalu.

"Ini bertentangan dengan ketetapan pada November tahun lalu di mana DUN sebulat suara tanpa mengira parti menolak usul pembatalan status kekal HSKLU.

"Keputusan MMKN ini menimbulkan satu persoalan sama ada Exco atau Dewan yang lebih berkuasa. Adakah wujud penyalahgunaan kuasa ketika keputusan itu dibuat, kami mohon kerjasama SPRM untuk menjalankan siasatan," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 September 2021

Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	PKPS nafi ceroboh Hutan Simpan Kekal Sungai Panjang
Muka Surat	:	23

PKPS nafi ceroboh Hutan Simpan Kekal Sungai Panjang

Shah Alam: Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) menafikan dakwaan pihaknya menceroboh dan membuka sebahagian kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Sungai Panjang di Sabak Bernam sebagai gantian berikutan penyahwartaan HSK Kuala Langat Utara (HSKLU).

PKPS dalam kenyataan semalam menjelaskan tapak projek pembangunan pertanian bersepadu, Selangor Smart Agro Park (SSAP) yang dikaitkan dengan dakwaan pencerobohan adalah tanah hak milik PKPS berstatus tanah pertanian dan bukannya hutan simpan kekal.

Penafian itu merujuk kepada laporan beberapa portal berita yang memetik kenyataan media gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO), The Coalition for the Protection of Selangor's Forests serta kenyataan Pengarah Global Environmental Centre Faizal Parish dalam program temu bual dengan sebuah stesen penyiaran pada 2 September.

"PKPS ingin menegaskan isu nyahwarta HSKLU tiada kaitan langsung dengan pihak PKPS. Kami juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan berkenaan dan menyifatkannya sebagai kenyataan berniat jahat dan subversif bagi merosakkan imej PKPS dan secara tidak langsung ingin sabotaj inisiatif kerajaan negeri yang telah dirancang bagi kepentingan rakyat negeri Selangor," kata kenyataan itu.

PKPS menjelaskan tapak Selangor Smart Agro Park yang berstatus pertanian disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menerusi surat Bil (9) dlm. PHN.SEL.100-5/3/60 Jld 3 bertarikh 16 April 2021 serta Pelan Fizikal Negara, Pelan Struktur Negeri dan Pelan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam.

PKPS ketika ini juga sedang menyiapkan laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) dan telah mematuhi semua saranan dan arahan daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor sebelum memulakan kerja-kerja pembangunan di tapak SSAP seperti yang diarahkan oleh JAS menerusi surat kelulusan bertarikh 31 Mei.

Menerusi surat yang sama juga, JAS membenarkan PKPS melakukan kerja pembaikan atau 'remedi' seperti pembinaan sistem perparitan, kolam takungan, penstabilan tanah, kawalan hakisan tanah dan kelodakan serta kawalan saliran tanah gambut memandangkan kawasan berkenaan sering dilanda bencana banjir serta selalu dicerobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab sejak 2000.



KERATAN AKHBAR 7 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	8 tahun merana isu bekalan air
Muka Surat	:	13

8 tahun merana isu bekalan air

KLANG: Kira-kira 700 penduduk tingkat 3 dan 4 di 16 blok Pangsapuri Bandar Bukit Tinggi Fasa 2, di sini membuat perhimpunan aman untuk menyatakan bantahan kepada kerajaan negeri kerana cukup tertekan akibat berhadapan gangguan bekalan air yang tidak menentu sejak lapan tahun lalu.

Gangguan berkenaan dikatakan kerap berlaku pada waktu penting sebelah pagi dan petang sebelum berlarutan hingga waktu malam menyebabkan rutin harian penduduk di sana terganggu.

Menurut S. Anjali, 60, dia yang tinggal di tingkat 4 menghadapi masalah ketiadaan air di waktu petang dan malam hingga menyukarkannya melakukan kerja rumah.

“Sudah lapan tahun, pukul 6.30 petang hingga 9.00 dan 11.30 malam hingga 6.00 pagi air tiada. Saya dan keluarga perlu menggunakan air, tetapi air tiada.

“Malam-malam, kita hendak gunakan air untuk mandi, membasuh pakaian dan membersih-



PENDUDUK Flat Bukit Tinggi Fasa 2 berkumpul bagi menunjukkan bantahan mereka terhadap kontraktor kerja pembaikan air di kawasan perumahan berkenaan. - UTUSAN / ZULFADHLI ZAKI

kan pinggan mangkuk pun menjadi masalah,” katanya.

Beliau berkata demikian pada perhimpunan aman penduduk pangsapuri dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi memohon pihak berkuasa bertindak membantu penduduk menyele-

saikan bekalan air terganggu di pangsapuri tersebut.

Anjali berharap pihak Pengurusan Air Selangor Sdn.Bhd. (Air Selangor) dapat membantu penduduk menyelesaikan permasalahan air yang tidak dapat digunakan 24 jam sehari.



KERATAN AKHBAR
7 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Izin 10 orang masuk tanah perkuburan
Muka Surat	:	6

Izin 10 orang masuk tanah perkuburan

Selangor longgar syarat waris sertai pengebumian jenazah Covid-19

Bernama

Shah Alam

Kerajaan Selangor menetapkan seramai 10 waris dibenarkan memasuki tanah perkuburan dan berada di zon menunggu yang ditetapkan untuk proses pengebumian jenazah Covid-19 bukan secara berkumpulan di tanah perkuburan Islam seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT) dan kariah masjid semasa tempoh Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Penggunaan dan Industri Halal Selangor Mohd Zawawi Ahmad Mughni berkata, untuk proses pengebumian secara berkumpulan jenazah Covid-19, hanya dua waris sahaja dibenarkan untuk memasuki tanah perkuburan dan berada di zon menunggu yang telah ditetapkan di tanah perkuburan seliaan dua pihak tersebut.

Menurut Zawawi, bagi pengebumian kariah Covid-19 seliaan masjid pula, Jabatan Agama Islam Selangor (Jais)

sudah menetapkan beberapa tanah perkuburan berpusat bagi pengebumian jenazah dan proses pengebumian akan dilaksanakan oleh petugas kubur atau sukarelawan pertubuhan bukan Islam kerajaan (NGOI) yang mendapat tauliah pihaknya.

"Bagi pengebumian di tanah perkuburan bawah PBT, ia akan dilaksanakan mengikut prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan," katanya menerusi hantaran yang dimuat naik dalam Facebook @Zawawi Mughni, semalam.

Zawawi berkata, seramai 20 waris dan lima ahli jawatankuasa (AJK) masjid dibenarkan hadir untuk pengebumian kematian biasa bagi bacaan talkin serta tahlil selepas jenazah dikebumikan di tanah perkuburan kariah seliaan masjid.

"Untuk aktiviti menziarahi kubur keluarga atau saudara, tidak melebihi lima waris pada satu-satu masa dan diterhadkan se-

lama 30 minit sahaja," katanya.

Menurut Zawawi, untuk pengebumian kematian biasa di tanah perkuburan bersepadu seliaan PBT, kehadiran hanya 10 waris dan dibenarkan membawa imam serta pembantunya untuk bacaan talkin dan tahlil.

"Menziarahi kubur keluarga atau saudara pula tidak melebihi dua orang waris pada satu-satu masa dan diterhadkan selama 20 minit sahaja," katanya.

Jelasnya lagi, antara syarat yang perlu dipatuhi bagi mereka yang menziarahi tanah perkuburan berkenaan ialah perlu lengkap dua dos vaksin serta melakukan aktiviti ziarah pada waktu dan masa yang dibenarkan.

“
Menziarahi kubur
keluarga atau
saudara pula tidak
melebihi dua
orang waris
Mohd Zawawi





PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

7 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Dua kali terjejas banjir tahun ini
Muka Surat	:	11



Dua kali terjejas banjir tahun ini

KEADAAN banjir yang melanda sekitar Kampung Batu 5 Bangi, Semenyih akibat banjir kilat, kelmarin.

Semenyih: "Setiap kali hujan pasti hati resah memikirkan kemungkinan banjir kilat akan berlaku," kata Hamzah Jahit, 60, penduduk Kampung Batu 5, Bangi dekat sini, yang terjejas akibat banjir lumpur petang kelmarin.

Menurutnya, kejadian jam 5 petang menyebabkan dapur dan halaman luar rumahnya dipenuhi dengan lumpur.

"Hujan selama sejam menyebabkan air naik kerana parit tidak dapat menampung kapasiti air.

"Projek perumahan berhampiran memburukkan la-

gi keadaan dan ini kejadian kedua tahun ini," katanya kepada Harian Metro.

Menurutnya, lima rumah penduduk kampung yang terletak berhampiran terjejas dan ada antara mangsa yang mengalami kerugian.

Katanya, parit berhampiran rumah tidak dapat mengalirkan air ke dalam Sungai Semenyih yang turut penuh menyebabkan ia melimpah semula ke dalam rumah penduduk.

"Aduan sudah dibuat kepada wakil rakyat dan agensi berkaitan termasuk pemaju agar masalah ini tidak terus membebankan penduduk.

"Sampai bila kami mahu hidup dalam keadaan resah setiap kali hujan kerana kemungkinan banjir kilat seperti ini boleh berlaku," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Semenyih Zakaria Hanafi berkata, masalah banjir kilat itu sudah dimaklumkan kepada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) untuk tindakan lanjut.

Menurutnya, cadangan untuk mendalamkan parit di kawasan kampung berkenaan perlu dilakukan segera

agar masalah sama tidak berulang.

"Saya sudah maklumkan masalah ini untuk diatasi segera kepada JPS dan MPKJ kerana ja sering berulang.

"Satu tindakan jangka panjang perlu dilaksanakan segera supaya penduduk tidak terus menjadi mangsa terutamanya ketika musim hujan," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, pemaju perumahan berhampiran juga sudah dimaklumkan agar membina saluran lebih baik termasuk kolam takungan yang boleh menampung kapasiti air.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR
7 September 2021

Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tak lantik pihak ketiga urus janji temu nikah
Muka Surat	:	12

Tak lantik pihak ketiga urus janji temu nikah

Shah Alam: Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) tidak pernah melantik pihak ketiga menguruskan janji temu bagi urusan berkaitan perkahwinan.

Jais menerusi hantaran ringkas dalam akaun Facebooknya memaklumkan bagi mendapatkan tarikh janji temu berkaitan urusan perkahwinan, ia hanya perlu dibuat melalui laman web

<http://www.jais.gov.my>.

“Segera laporkan kepada Jais jika ada individu yang mengambil kesempatan menjual slot janji temu Jais.

“Sebarang aduan atau pertanyaan boleh dikemukakan melalui panggilan telefon iaitu 03-5514 3400/ 03-5514 3600 atau e-mel ke buuk@jais.gov.my,” menurut hantaran itu. - Bernama



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 September 2021		
Akhbar	:	Harian Metro
Tajuk Berita	:	Tapak projek SSAP bukan berstatus hutan simpan kekal
Muka Surat	:	19

Tapak projek SSAP bukan berstatus hutan simpan kekal

Shah Alam: Tapak projek pembangunan pertanian bersepadu, Selangor Smart Agro Park (SSAP) yang dikaitkan dengan dakwaan isu pencerobohan merupakan tanah hak milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berstatus tanah pertanian dan bukannya berstatus hutan simpan kekal. PKPS dalam satu kenyataan, semalam menafikan dakwaan pihaknya mencebroh dan membuka sebahagian kawasan Hutan Simpan Sungai Panjang di Sabak Bernam yang kononnya dikatakan hutan gantian berikutan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU). Penafian itu merujuk kepada laporan beberapa portal berita yang memetik ke-

nyataan media gabungan badan bukan kerajaan (NGO) *The Coalition for the Protection of Selangor's Forests* serta kenyataan Pengarah Global Environmental Centre Faizal Parish dalam satu program temu bual di Awani pada 2 Sept. "PKPS ingin menegaskan isu nyahwarta HSKLU tiada kaitan langsung dengan pihak PKPS. Kami juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan berkenaan dan menyifatkannya sebagai kenyataan berniat jahat dan subversif bagi merosakkan imej PKPS dan secara tidak langsung ingin mensabotaj inisiatif kerajaan negeri yang sudah dirancang bagi kepentingan rakyat negeri Selangor," katanya. PKPS menjelaskan tapak



PKPS ingin menegaskan isu nyahwarta HSKLU tiada kaitan langsung dengan pihak PKPS. Kami juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan berkenaan dan menyifatkannya sebagai kenyataan berniat jahat dan subversif bagi merosakkan imej PKPS dan secara tidak langsung ingin mensabotaj inisiatif kerajaan negeri yang sudah dirancang bagi kepentingan rakyat negeri Selangor"

Kenyataan PKPS

Selangor Smart Agro Park yang berstatus pertanian sudah disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menerusi surat Bil (9) dlm. PHN.SEL.100-5/3/60 Jld 3 bertarikh 16 April 2021 serta Pelan Fizikal Negara, Pelan Struktur Negeri dan Pe-

lan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam. Katanya, PKPS ketika ini juga sedang menyiapkan laporan Penilaian Impak Alam Sekeliling (EIA) dan mematuhi semua saranan dan arahan daripada Jabatan Alam

Sekitar (Jas) Negeri Selangor sebelum memulakan kerja pembangunan di tapak SSAP sepertimana yang diarahkan oleh Jas menerusi surat kelulusan bertarikh 31 Mei. Menurutnya, menerusi surat yang sama juga, Jas sudah membenarkan PKPS melakukan kerja pembaikan atau *remedy* seperti pembaikan sistem perparitan, kolam takungan, penstabilan tanah, kawalan hakisan tanah dan kelodakan serta kawalan saliran tanah gambut memandangkan kawasan berkenaan sering dilanda bencana banjir serta selalu dicerobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab semenjak 2000 lagi. Oleh demikian, PKPS menjelaskan kenyataan tidak bertanggungjawab yang

dikeluarkan oleh gabungan NGO serta Faizal bersifat mala fide serta mempunyai unsur mengaitkan PKPS dengan agenda tersendiri. "Pihak terbabit seharusnya terlebih dahulu membuat laporan dan mendapatkan penjelasan daripada PKPS atau kerajaan negeri sebelum membuat tuduhan yang tidak berasas seperti ini," menurut kenyataan itu. Justeru, bagi memastikan penyebaran berita palsu seperti ini tidak berulang PKPS akan mengambil tindakan undang-undang terhadap saman fitnah terhadap pihak terbabit dalam masa terdekat kerana cubaan untuk merosakkan nama baik PKPS dan kerajaan dengan membuat tuduhan yang tidak benar.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 7 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Bawa bayi rentas negeri lebih 300km
Muka Surat	:	8

Pasangan suami isteri tertekan tiada kerja di Perak, cuba nasib di Selangor

Bawa bayi rentas negeri lebih 300km


Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Sepasang suami isteri nekad mengharungi perjalanan lebih 300 kilometer (km) menaiki motosikal dengan bayi lelaki berusia enam bulan untuk berkelana ke Selangor akibat tekanan hidup, baru-baru ini.

Ketiga-tiga beranak itu dipercayai merentas negeri dari Kuala Kurau, Perak ke negeri ini selepas memperoleh surat rentas negeri dengan alasan untuk tinggal bersama keluarga sebelah lelaki di sekitar Lembah Klang.

Jurucakap Lembaga Zakat Selangor berkata, mereka tiba di negeri ini dua hari lalu, bagaimanapun gagal berbuat demikian susulan masalah keluarga.

Menurutnya, mereka kemudiannya telah meminta sumbangan orang ramai di sebuah stesen minyak bagi menyara kehidupan. "Wang yang diperoleh itu di-



PASANGAN suami isteri bersama bayi mereka ditempatkan di sebuah hotel bajet di Lembah Klang selepas berhijrah dari Kuala Kurau, Perak akibat kesempitan hidup.

gunakan untuk tinggal di sebuah hotel bajet di sekitar Lembah Klang demi keselesaan terutama

kepada bayi mereka.

"Skuad Saidina Umar (SSU) Zakat Selangor yang menerima

maklumat awam berhubung kisah suami isteri ini telah menemui keluarga berkenaan untuk tinda-

kan selanjutnya," katanya ketika dihubungi Kosmo/ semalam.

Menurutnya, siasatan awal mendapati, pasangan muda berusia 20-an itu menjalani kehidupan yang sangat terbeban akibat hilang kerja sejak Perintah Kawalan Pergerakan 2.0.

Ujarnya, keadaan itu menyebabkan mereka terpaksa mengambil keputusan membawa diri bersama bayi mereka ke negeri ini dari Perak.

"Hasil siasatan mendapati pasangan muda ini menerima bantuan Zakat Selangor sebelum ini, namun ditamatkan setelah mereka berpindah ke Perak tahun lalu. Di Perak, mereka juga menerima pelbagai bantuan daripada pihak masjid, kampung dan Majlis Agama Islam Perak," jelasnya.

Katanya, keluarga itu kini ditempatkan di hotel bajet buat sementara waktu dan diberikan bantuan sebanyak RM500.



KERATAN AKHBAR 7 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kerajaan Selangor terus didesak batal projek PJD Link, tarik balik nyah warta HSKLU
Muka Surat	:	13

Kerajaan Selangor terus didesak batal projek PJD Link, tarik balik nyah warta HSKLU

SHAH ALAM - Penduduk di Petaling Jaya yang menamakan kumpulan mereka sebagai kumpulan 'Say No to PJD Link' terus memberikan tekanan terhadap kerajaan Selangor berhubung projek lebuh raya kontroversi, PJ Dispersal Link (PJD Link).

Mereka turut membantah tindakan kerajaan negeri menyahwartakan sebahagian hutan simpan di Selangor untuk tujuan pembangunan dan mendakwa Pakatan Harapan (PH) gagal menunjukkan ketelusan dan tatakelola yang baik dalam dua isu tersebut.

Kumpulan itu menerusi satu kenyataan memaklumkan, dalam manifesto PH pada Pilihan Raya Umum (PRU) yang lalu, gabungan parti politik itu berjanji untuk mentadbir berdasarkan prinsip-prinsip kelestarian dan pembangunan lestari.

"Disebabkan PH sudah berjanji dalam manifestonya, semua pembangunan projek mesti mematuhi standard perlindungan alam sekitar antarabangsa sebelum memberikan kelulusan.

"Kini kerajaan PH Selangor bertanggungjawab untuk jelaskan kepada rakyat apakah asas dilihat kerajaan ketika me-

milih Gabungan Indah Sdn Bhd untuk membangunkan kawasan yang dinyahwartakan dari Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU)," kata kumpulan tersebut dalam kenyataan pada Isnin.

Mereka sehubungan itu menggesa Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari untuk menarik semula penyahwartaan HSKLU dan membatalkan projek PJD Link.

"Pendek kata, kerajaan Selangor telah gagal menunjukkan ketelusan dan akauntabiliti dalam isu HSKLU dan PJD Link kerana keputusan telah dibuat tanpa penglibatan dan perundingan dengan masyarakat.

"Oleh itu, kami menuntut agar menteri besar dan kerajaan negeri mengisytiharkan pembatalan penyahwartaan HSKLU dan pembatalan lebuh raya PJD Link secara rasmi.

"Selagi ia tidak selesai dan secara rasmi dicatat dalam minit mesyuarat kerajaan negeri, rakyat Selangor akan teruskan protes terhadap dua pelan tersebut," kata mereka.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	PKPS tak ceroboh Hutan Simpan Kekal
Muka Surat	:	13

PKPS tak ceroboh Hutan Simpan Kekal

Projek SSAP berstatus tanah pertanian dan bukannya HSK

Oleh ENGU SHARIFUL AZNI

SHAH ALAM

Tapak projek pembangunan pertanian bersepadu, Selangor Smart Agro Park (SSAP) yang dikaitkan dengan dakwaan isu pencerobohan merupakan tanah hak milik Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) berstatus tanah pertanian dan bukannya berstatus hutan simpan kekal.

PKPS dalam kenyataan pada Isnin menafikan dakwaan bahawa pihaknya telah menceroboh dan membuka sebahagian kawasan Hutan Simpan Sungai Panjang di Sabak Bernam yang kononnya dikatakan hutan gantian berikutan penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Penafian itu merujuk kepada laporan daripada beberapa portal berita yang memetik kenyataan media gabungan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) *The Coalition for the Protection of Selangor's Forests* serta kenya-

taan Pengarah Global Environmental Centre (GEC), Faizal Parish dalam program temu bual *Consider This: Astro Awani* pada Khamis.

Menurut kenyataan tersebut, tuduhan itu dilakukan dengan mengaitkan nyah warta HSKLU dengan tanah milik persendirian PKPS yang akan dibangunkan sebagai tapak Inisiatif Jaminan Bekalan Makanan Negeri Selangor.

"Tapak projek pembangunan pertanian bersepadu dikenali sebagai Selangor Smart Agro Park (SSAP) yang dikaitkan dengan tohmahan berkenaan merupakan tanah hak milik PKPS berstatus pertanian dan bukan berstatus HSK seperti yang disahkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) menerusi surat Bil (9) dalam PHN.SEL.100-5/3/60 Jld 3 bertarikh 16 April 2021 serta Pelan Fizikal Negara, Pelan Struktur Negeri dan Pelan Rancangan Tempatan Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB).

"PKPS ingin menegaskan isu nyah warta HSKLU tiada kaitan langsung dengan pihak PKPS.

"Kami juga menafikan sekeras-kerasnya tuduhan berkenaan dan menyifatkannya sebagai kenyataan yang berniat jahat dan subversif bagi merosakkan imej PKPS dan secara tidak langsung ingin mensabotaj ini-



Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 5 Mei lalu memutuskan kira-kira 536.70 hektar daripada keseluruhan kawasan HSKLU diluluskan untuk dinyahwarta.

siatif kerajaan Selangor yang dirancang bagi kepentingan rakyat negeri itu," menurut kenyataan tersebut pada Isnin.

Dalam pada itu, PKPS memaklumkan pihaknya sedang menyiapkan laporan Environmental Impact Assessment (EIA) dan mematuhi semua saranan serta arahan dari Jabatan Alam Sekitar (JAS) Negeri Selangor sebelum memulakan kerja-kerja pembangunan di tapak SSAP seperti diarahkan oleh JAS menerusi surat kelulusan bertarikh 31 Mei 2021.

Menurut kenyataan tersebut, JAS membenarkan PKPS melakukan kerja-kerja pembaikan

atau seperti pembinaan sistem perparitan, kolam takungan, penstabilan tanah, kawalan hakisan tanah dan kelodakan serta kawalan saliran tanah gambut memandangkan kawasan berkenaan sering dilanda bencana banjir serta dicerobohi oleh pihak tidak bertanggungjawab sejak tahun 2000.

"PKPS menerima aduan mengenai imej satelit yang menunjukkan bahawa berlaku pencerobohan oleh pihak luar di dalam kawasan SSAP dan sekitar HSK Sungai Panjang pada 28 Ogos 2021 dan langkah pencegahan dibuat dengan pemantauan ketat di keseluruhan

tapak hak milik PKPS seluas 971 hektar.

"Kerajaan Selangor menyerahkan hak penjagaan kawasan ini kepada PKPS bagi memudahkan pemantauan dan mengelakkan pencerobohan dilakukan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

"PKPS juga sedang mengambil langkah-langkah pencegahan khas bagi memastikan tidak lagi berlaku kejadian pencerobohan memandangkan PKPS sedang mematuhi notis arahan pemberhentian kerja (SWO) yang dikeluarkan oleh JAS pada 8 April 2021," kata kenyataan itu lagi.



KERATAN AKHBAR
7 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Selangor perlu bertindak selaras dasar parti isu pemeliharaan alam sekitar
Muka Surat	:	13

Selangor perlu bertindak selaras dasar parti isu pemeliharaan alam sekitar - Anwar

SHAH ALAM - Parti Keadilan Rakyat (PKR) percaya kerajaan Selangor akan mengambil tindakan yang selaras dengan dasar parti berhubung pengendalian dan pemeliharaan alam sekitar serta hutan simpan.

Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pihaknya telah mendengar penjelasan Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berhubung isu penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) baru-baru ini.

“Dua hari selepas itu, Amiruddin juga telah bertemu dengan saya untuk perbincangan lanjut terkait hal yang sama,” katanya menerusi satu hantaran di Facebook pada Isnin.

Pada Selasa, Amirudin diminta untuk memberikan penjelasan lanjut



ANWAR

berhubung dakwaan kerajaan negeri telah melakukan penyahwartaan HSKLU pada Mei lalu.

Mengulas lanjut, Ahli Parlimen Port Dickson itu berkata, keputusan kerajaan Selangor pimpinan Pakatan Harapan (PH) meluluskan penyahwartaan 536.7 hektar HSKLU adalah bercanggah dengan keputusan PKR.

Katanya, pimpinan parti itu sudah memaklumkan kepada Amirudin untuk membatalkan penyahwartaan tersebut sejak tahun lalu.

“Keputusan dibuat kerajaan negeri juga belum dimaklumkan kepada pimpinan parti, malah kami sejak tahun lalu telah memaklumkan kepada menteri besar untuk membatalkan perkara itu,” tegas beliau.



KERATAN AKHBAR 7 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	JAIS tidak lantik pihak ketiga bagi urusan perkahwinan
Muka Surat	:	14

JAIS tidak lantik pihak ketiga bagi urusan perkahwinan

SHAH ALAM - Bakal pengantin diminta untuk mendapat tarikh janji temu secara percuma bagi urusan berkaitan perkahwinan melalui laman sesawang Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) sahaja.

JAIS dalam satu kenyataan memaklumkan jabatan berkenaan tidak pernah melantik pihak ketiga bagi tujuan berkenaan dan permohonan boleh dibuat melalui www.jais.gov.my.

Malah JAIS turut menggesa pihak yang mempunyai maklumat atau mengetahui terdapat individu yang mengambil kesempatan menjual slot janji temu diminta segera membuat laporan.

“Sebarang aduan atau pertanyaan boleh menghubungi **03-5514340/3600** atau emel buuk@jais.gov.my,” kata JAIS menerusi permaklumannya di laman Facebook pada Isnin.

Pada 1 Julai lalu, JAIS membenarkan majlis akad nikah di negeri itu selepas dilarang berikutan pelaksanaan sekatan kawalan per-

gerakan penuh.

Bagaimanapun, JAIS memaklumkan bahawa kebenaran hanya tertakluk kepada pasangan yang telah mendapat tarikh janji temu daripada JAIS dan Pejabat Agama Islam Daerah (PAID).

Katanya, majlis akad nikah juga hanya boleh dilangsungkan sekiranya memenuhi beberapa ketetapan lain.

“Antaranya akad nikah perlu dilaksanakan dengan kehadiran fizikal pihak-pihak di JAIS dan PAID sahaja setiap hari dari Isnin ke Ahad.

“Pada masa sama, pasangan juga perlu mendapat kebenaran berkahwin mengikut Seksyen 17 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 sebelum 1 Jun 2021, serta mempunyai keputusan ujian saringan HIV yang masih sah,” jelas kenyataan itu.

Selain itu JAIS berkata, pasangan juga diwajibkan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) serta mengemukakan hasil ujian saringan Covid-19.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No. Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No. Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
7 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	RichWell, LZS bantu keluarga terjejas
Muka Surat	:	18

RichWell, LZS bantu keluarga terjejas

Serah kotak makanan kepada keluarga yang terkesan akibat pandemik Covid-19

Oleh **ENGKU SHARIFUL AZNI**

SHAH ALAM

Pertubuhan Kebajikan RichWell (RichWell) bekerjasama dengan Lembaga Zakat Selangor (LZS) menyerahkan 250 kotak makanan keperluan asas kepada keluarga yang terkesan pandemik Covid-19 di Masjid Seksyen 7, Flat PKNS pada Ahad.

Naib Presiden Program Mentorship RichWorks International Sdn Bhd (RichWorks), Hafiz Jasmi berkata, sumbangan diperoleh daripada usahawan dan peserta yang bersama RichWorks.

Hafiz berkata, pihaknya menyasarkan sebanyak 10,000 kotak makanan hingga hujung tahun ini untuk diagih-

kan kepada keluarga memerlukan.

"Kami sangat bersyukur kerana berpeluang untuk terus memberikan manfaat kepada ramai golongan memerlukan," katanya selepas penyerahan sumbangan RichWell kepada kariah Masjid Seksyen 7, Flat PKNS di sini pada Ahad.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Selangor, Saipolyazan M Yusop; Ketua Divisyen Operasi Agihan Asnaf, Mohd Sabirin Mohd Sarbini; Timbalan Pengerusi dan Ketua Amil Kanan Masjid Seksyen 7, Ahmad Azmi Ibrahim serta Naib Presiden Penjenamaan dan Content RichWorks, Om Karini Karean.

Dalam pada itu, Hafiz berkata, RichWell merupakan pertubuhan kebajikan di bawah RichWorks yang menasaskan bantuan kemanusiaan, kebajikan dan kemasyarakatan sejak 2008 lagi.

Saipolyazan turut berharap lebih banyak syarikat tampil seperti RichWorks bersama LZS untuk membantu meringankan beban mereka yang



Dari kiri: Saipolyazan, Hafiz dan Om Karini Karean (kanan) ketika menyerahkan simbolik kotak barangan makanan kepada salah seorang penerima di Flat PKNS, Seksyen 7 pada Ahad.

memerlukan.

"Selain membayar zakat, mereka juga boleh melakukan program bersama dan berkongsi pengalaman kaedah agihan dilakukan.

"Pada hari ini melalui kerjasama pertubuhan kebajikan di sini, penerima akan datang dan ambil terus kotak makanan dan beredat sama ada pandu lalu atau ambil sendiri," katanya.



KERATAN AKHBAR 7 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Boleh ziarah kubur tapi bersyarat
Muka Surat	:	24

Boleh ziarah kubur tapi bersyarat

Kebezaan diberikan kepada mereka yang telah lengkap terima dua dos vaksin

Oleh **NORAFIZA JAAFAR**

SHAH ALAM

Aktiviti ziarah kubur di Selangor dibenarkan sepanjang tempoh Fasa Satu Pelan Pemulihan Negara (PPN) mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

Exco Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal Selangor, Mohd Zawawi Ahmad Mughni bagaimanapun berkata, hanya dua waris dibenarkan menziarahi kubur keluarga atau saudara pada satu-satu masa selama 20 minit di tanah perkuburan Islam bersepadu di bawah seliaan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Menurutnya, bagi tanah perkuburan Islam kariah di bawah seliaan masjid pula di hadapan tidak melebihi lima orang dengan tempoh ziarah selama 30 minit.

“Mereka yang hadir perlu memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal satu meter, mengimbas aplikasi MySejahtera dan melakukan ziarah pada masa yang dibenarkan sahaja.



Aktiviti ziarah kubur dibenarkan dengan hadir memakai pelitup muka, menjaga penjarakan fizikal satu meter, mengimbas aplikasi MySejahtera dan melakukan ziarah pada masa yang dibenarkan sahaja.

“Kebezaan ini diberikan kepada mereka yang telah lengkap menerima dua dos vaksin,” katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Beliau berkata, bagi urusan pengebumian jenazah kematian biasa pula di hadapan kepada 10 orang waris di tanah perkuburan Islam di bawah PBT dan dibenarkan membawa imam serta pembantunya bagi memimpin bacaan talkin serta tahlil.

